

NO. SOALAN: 38

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [KULAI]

TARIKH : 7 OKTOBER 2014

RUJUKAN : 7105

SOALAN:

Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kes rogol dan gangguan seksual sejak tahun 2005, orang yang didakwa, dan jumlah orang yang dihukum untuk kesalahan tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak PDRM memandang serius kes-kes rogol dan gangguan seksual kerana majoriti mangsa yang terlibat adalah terdiri daripada golongan kanak-kanak yang masih mentah dan lemah. Kebanyakan mereka tidak memahami kesan dan kejadian dan kurang pengetahuan tentang hak keselamatan diri. Akibat dari jenayah ini bukan sahaja memberi kesan kepada fizikal tapi ianya turut memberi kesan psikologi jangka panjang kepada mangsa yang terlibat.

Sepanjang tempoh 2005 hingga bulan Julai 2014, sejumlah 28,471 kes rogol dan 20,753 kes gangguan seksual telah dilaporkan. Sebanyak 4,514 kes rogol dan 3,843 kes gangguan seksual telah dituduh di mahkamah dalam tempoh berkenaan dan daripada jumlah tersebut sebanyak 765 kes rogol dan 1,603 kes gangguan seksual telah berjaya disabitkan dan dijatuhi hukuman.

Pelbagai faktor yang dikenalpasti menyebabkan kegagalan kes tersebut disabitkan atau menerima penghukuman yang rendah, Antara faktor-faktor tersebut seperti berikut:-

- i) Laporan polis lewat dibuat.**

- ii) **Pengadu / mangsa memohon untuk menarik semula laporan polis yang dibuat atas pelbagai alasan peribadi (tidak berminat untuk meneruskan kes, ingin melupakan kejadian, ingin berkahwin dan sebagainya).**
- iii) **Kurang kerjasama, komitmen mangsa dan saksi semasa siasatan dan perbicaraan.**
- iv) **Hasil siasatan menunjukkan terdapat persetujuan (*willing party*) dan tiada unsur-unsur jenayah.**
- v) **Kes yang masih dalam siasatan untuk mendapatkan dokumen-dokumen berkaitan kes, mengesan dan menangkap saspek.**
- vi) **Terdapat percanggahan keterangan antara saksi-saksi yang terlibat.**
- vii) **Tiada keterangan sokongan dari saksi bebas, laporan perubatan dan laporan kimia dan sebagainya bagi menyokong keterangan / dakwaan mangsa / saksi.**

Walaupun pelbagai langkah telah diambil oleh pihak Kerajaan dan NGO's, apa yang penting bagi menangani masalah ini terletak kepada peranan kekeluargaan itu sendiri. Peranan ibu bapa begitu besar untuk mendidik anak-anak mereka menjadi

insan yang kamil dan sentiasa mengawasi pergerakan anak-anak mereka dan bagi yang dewasa supaya mengambil langkah yang perlu daripada menjadi mangsa.